



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : TEKNOLOGI BINAAN 2
KOD KURSUS : DSB1083
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Anda dikehendaki mula menjawab setiap jawapan di muka surat baru. Lakarkan gambarajah jika perlu bagi membantu jawapan anda.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU




KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN




BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Buku Jawapan.

Lengkapkan jadual di bawah dengan lakaran atau jawapan yang tepat.

| Rajah | Nama |
|---|---------------------------|
| a. | Kepala tembok bentuk rata |
|  | b. Kepala tembok |
|  | c. Bumbung |
|  | d. Bumbung |
| e. | Bumbung Layang |

| Rajah | Nama |
|---|------------------------|
| f. | Kepala Tembok Serong |
|  | g. Bumbung |
|  | h. Kepala tembok |
|  | i. Bumbung |
| j. | Bumbung tebeng layar |

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA BELAS (13)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Buku Jawapan.

1. Terangkan tentang kemasan lantai berikut dari segi bahan, pemasangan dan sebagainya. Lakarkan rajah berkaitan jawapan anda.
 - a. Terazo
 - b. Parket

(5 markah)
2. Sebutkan **tiga (3)** sifat-sifat lantai.

(3 markah)
3. Sambungan pengembangan adalah satu kaedah untuk mencegah keretakan berlaku pada permukaan lantai yang disebabkan oleh perkembangan akibat perubahan cuaca. Terangkan cara sambungan pengembangan yang dibuat pada lantai. Lakarkan rajah bagi membantu jawapan anda.

(4 markah)
4. Nyatakan definisi tembok penahan.

(3 markah)
5. Nyatakan **tiga (3)** faktor yang menyebabkan tanah runtuh.

(3 markah)
6. Senaraikan **empat (4)** tembok penahan.

(4 markah)
7. Lakarkan **tiga (3)** tembok penahan.

(6 markah)
8. Terangkan sebab lubang leleh perlu dibina di tembok penahan.


(3 markah)

9. Senaraikan **tiga (3)** kekuda bumbung yang anda ketahui. Lakarkan semua kekuda yang telah disebutkan.

(6 markah)

10. Labelkan **Rajah 1** di bawah:

(3 markah)



Rajah 1: Kerangka bumbung

11. Terangkan **empat (4)** fungsi siling gantung dalam binaan sesebuah bangunan.

(4 markah)

12. Lakarkan siling gantung.

(3 markah)

13. Sebutkan **tiga (3)** bahan-bahan yang digunakan dalam pembuatan siling.

(3 markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan, jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

En. Ashraf Mukhriz ingin membina sebuah rumah banglo di sebidang tanah milik keluarganya. Dia memilih untuk membina rumah tradisional yang berkonsepkan 100% binaan kayu.

- a. Cadangkan **satu (1)** jenis struktur lantai yang sesuai dengan binaan kayu serta melakarkannya tanpa skala. Labelkan **empat (4)** komponen penting pada lantai tersebut.

(7 markah)

- b. Sekiranya tapak kawasan banglo En. Ashraf Mukhriz berada di negeri Melaka, lakarkan bumbung yang sesuai untuk rumahnya.

(3 markah)


SOALAN 2

- a. Terangkan mengenai bumbung curam.

(3 markah)

- b. Terangkan perbezaan kerangka bumbung dengan kekuda bumbung. Gunakan lakaran rajah bagi membantu jawapan anda.

(4 markah)



Rajah 2 : Sistem saliran air hujan

- c. Berdasarkan **Rajah 2**, terangkan sistem saliran air hujan yang digunakan pada bangunan tersebut.

(3 markah)

SOALAN 3

- a. Berikan definisi pintu.

(2 markah)

- b. Sesebuah pintu terutamanya di bilik mesyuarat, pejabat atau panggung wayang mestilah mempunyai ciri-ciri mengurangkan bunyi atau menyerap bunyi. Cadangkan pintu yang sesuai untuk tempat tersebut dengan melakarkan rajah serta melabelkan komponen-komponen pintu yang penting.

(4 markah)

- c. Pintu rata boleh dibahagikan kepada dua jenis. Sebut dan lakarkan keduanya.

(4 markah)

SOALAN 4

- a. Berikan definisi tangga. (2 markah)
- b. Senaraikan **empat (4)** jenis tangga yang telah dipelajari. (4 markah)
- c. Lakarkan **dua (2)** jenis tangga yang telah anda sebutkan di atas. (4 markah)

[30 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

